

Soalan Objektif
Jawab Semua Soalan

1. Pelabuhan di negeri-negeri Melayu diuruskan oleh
 - A Bendahara
 - B Syahbandar
 - C Laksamana
 - D Temenggung

2. Kuasa Barat manakah yang berhasrat untuk mendapatkan Pulau Langkawi?
 - A Rusia
 - B Jerman
 - C Portugis
 - D Sepanyol


3. Dalam struktur pemerintahan negeri-negeri Melayu, pentadbiran peringkat daerah atau jajahan diurus tadbir oleh
 - A penghulu
 - B pembesar
 - C biro daerah
 - D ketua kampung

4. Apakah strategi British untuk mendapatkan Pulau Pinang?
 - A Pakatan
 - B Perjanjian
 - C Manipulasi
 - D Tipu helah

5. Apakah faktor kedatangan kuasa Barat ke Alam Melayu pada abad ke-16?
 - A Mahu menyebarkan agama Kristian
 - B Desakan Revolusi Perindustrian
 - C Perkembangan industri motokar

D Pembukaan Terusan Suez

6. Undang –undang tidak bertulis juga dikenali sebagai
- A. adat
 - B. enakmen
 - C. hikayat
 - D. ordinan
7. Contoh undang-undang bertulis yang tepat ialah
- A. adat perpatih
 - B. adat temenggung
 - C. hukum kanun Melaka
 - D. tradisi islam
8. Rajah berikut berkaitan sistem pemerintahan di sabah.



Apakah X?

- A. Kesultanan
- B. Kepercayaan
- C. Perundangan
- D. Perdagangan

9. Ibu soko merupakan individu yang mengetahui, memahami dan menghafal adat dan asal usul kelompok kekeluargaan yang diwakilinya.
- A. Anak Buah
 - B. Buapak
 - C. Lembaga
 - D. Undang
10. Kewujudan pendidikan formal dan tidak formal membuktikan kegiatan _____
Berlaku dalam kalangan masyarakat negara kita.
- A. Ekonomi
 - B. Keintelektualan
 - C. Persuratan melayu
 - D. Penterjemahan
11. Abad ke-16 merupakan zaman kegemilangan kuasa portugis dan sepanyol. Antara factor kedatangan kuasa barat ke negara kita pada abad ke-16 ialah
- A. Barangan mewah
 - B. Revolusi perindustrian
 - C. Industri mengetin
 - D. Slogan 'Beban Orang Putih'
12. Antara berikut yang manakah barangan yang dibawa dari china?
- A. Gaharu
 - B. Rotan
 - C. Rempah
 - D. Sutera

13. Nama pelabuhan yang paling awal dibukakan di Pulau Pinang dan sering dikunjungi pedagang Arab ialah
- A. Batu Uban
 - B. Butterworth
 - C. Pangkalan weld
 - D. Dermaga Swettenham
14. Antara negeri yang berada dalam kelompok Negeri-negeri selat (NNS) ialah
- I. Melaka
 - II. Pulau pinang
 - III. Selangor
 - IV. Terengganu
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
15. Antara kepentingan Negeri-negeri Selat termasuklah
- A. Mewujudkan keamanan dalam komuniti kaum
 - B. Menjadi pusat pengumpulan hasil-hasil dari Alam melayu
 - C. Memastikan pelabur dari Eropah tidak mengaut keuntungan
 - D. Menutup penguasaan British terhadap laluan perdagangan
16. Pilih maklumat yang benar tentang Singapura.
- A. Ditadbir oleh Francis Light di peringkat awal sebagai pesuruhjaya
 - B. Memperoleh status pelabuhan bebas pada tahun 1787
 - C. Residen bertanggungjawab kepada Leftnan Gabenor British
 - D. Menggunakan sistem kapitan untuk mewujudkan keamanan dalam komuniti.

17. Kesultanan Melayu Melaka merupakan kerajaan Alam Melayu yang unggul pada abad ke-15. Namun keunggulan tersebut tercalar apabila kuasa _____ menawan pada tahun 1511.
- A. Belanda
 - B. Jepun
 - C. Portugis
 - D. Siam
18. Apakah kesan perjanjian persahabatan dan keamanan British-Kedah pada 1 Mei 1791 terhadap British?
- A. Kuasa sultan hilang serta merta
 - B. British menduduki Seberang Perai
 - C. British tidak mengiktiraf sultan
 - D. Kepentingan Pulau Pinang terjejas
19. Mengapakah Singapura penting kepada British?
- A. Sebagai pelabuhan yang strategik
 - B. Menjadi tempat pengumpulan tentera
 - C. Menjaga kepentingan politik
 - D. Sebagai tanah jajahan sementara
20. Pelbagai strategi digunakan oleh British untuk meluaskan kuasa di Alam Melayu seperti manipulasi politik dan pakatan dengan kuasa barat yang lain.
- Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 pada pihak British juga boleh diibaratkan sebagai peribahasa
- A. Pucuk dicita ulam mendatang
 - B. Bagai pinang dibelah dua
 - C. Indah khabar dari rupa
 - D. Menjolak sarang tebuan

21. Melaka (1641–1824) merupakan tanah jajahan yang dijadikan pusat pengumpulan bijih timah dari negeri-negeri Melayu.
- A Portugis
 - B Belanda
 - C Perancis
 - D Amerika Syarikat
22. Apakah tujuan penggabungan Negeri-Negeri Selat?
- A Menjimatkan perbelanjaan
 - B Memperkukuh pertahanan
 - C Menguasai Selat Melaka
 - D Melindungi pedagang
23. Sultan Abdullah (1778–1798) menawarkan Pulau Pinang sebagai syarat mendapatkan bantuan ketenteraan daripada SHTI. Apakah situasi yang menyebabkan baginda bertindak sedemikian?
- A Mendapat ancaman daripada kerajaan Majapahit
 - B Tercetus peperangan antara kerajaan Kedah dengan kerajaan Aceh
 - C Kerajaan Siam menuntut supaya Kedah menghantar bunga emas
 - D Melindungi negeri daripada serangan kuasa Eropah yang lain
24. Apakah status wilayah dalam Negeri-Negeri Selat pada 1 April 1867?
- A Tanah jajahan British
 - B Negeri naungan British
 - C Negeri-negeri Bersekutu
 - D Negeri-negeri Tidak Bersekutu
25. Pilih tujuan British menguasai Pulau Pinang.
- I Sebagai pelabuhan persinggahan
 - II Pusat pemprosesan hasil bumi
 - III Pusat pentadbiran di Alam Melayu

IV Sebagai pangkalan tentera

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV